

05/03/1998

Sengaja mahu cemar nama baik Dr Mahathir

SHAH ALAM, Rabu - Sikap segelintir ahli yang ingkar kepada nasihat dan arahan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak berlaku pertandingan ketua bahagian pada pemilihan kali ini, dianggap sengaja mencemarkan nama baik Perdana Menteri di mata dunia.

Ini kerana ramai pemimpin negara datang menemui Dr Mahathir semata-mata untuk mendapatkan pandangan dan nasihatnya kerana beliau adalah pemimpin yang bukan sahaja boleh dicontohi tetapi diikuti.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Senator Ibrahim Ali, berkata semua tindakan yang dibuat oleh Dr Mahathir meyakinkan pemimpin negara lain sehingga mereka sanggup mendapatkan pandangan dan nasihatnya untuk diamalkan di negara masing-masing.

Beliau berkata, kewibawaan Dr Mahathir bukan sahaja dihormati tetapi dipandang tinggi oleh pemimpin negara lain termasuk negara besar dengan memberi pelbagai gelaran dan penghormatan.

"Tetapi malangnya, pandangan dan nasihat beliau tidak dipatuhi segelintir ahli Umno sendiri dan ini amat mengecewakan," katanya pada majlis pertemuan dengan ahli jawatankuasa Umno bahagian Kapar, di sini, malam tadi.

Majlis itu diadakan bertujuan memberi penerangan kepada Ibrahim mengenai situasi Umno bahagian itu yang sebelum ini disenaraikan sebuah daripada beberapa bahagian Umno yang bermasalah dan diletakkan di bawah pengawasan MT.

Ibrahim berkata, jika ahli parti sendiri tidak menghormati dan mendengar nasihat presiden, siapa lagi yang akan menghormatinya?

Beliau berkata, apa yang berlaku di beberapa persidangan perwakilan cawangan Umno sehingga menimbulkan kekacauan bukan sahaja dilaporkan oleh media massa tempatan tetapi menerusi Internet.

Ini, katanya, menunjukkan seluruh dunia mengetahuinya termasuk pemimpin negara yang pernah datang mendapatkan nasihat Dr Mahathir.

"Apa kata mereka? Bukankah mereka akan beranggapan bahawa tiada gunanya mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Dr Mahathir kerana pandangan dan nasihatnya tidak dipatuhi oleh ahli partinya sendiri," katanya.

Beliau berharap, semua ahli Umno kembali ke pangkal jalan demi perpaduan parti serta menjaga bukan sahaja imej parti, pemimpin tetapi negara.

(END)